

PASAR BUDAYA SEBAGAI PUSAT KEBUDAYAAN.
KESAN PERANANNYA KEPADA PENGUNJUNG-PENGUNJUNG PADA MASA INI.

OLEH

HASNAH ABDUL RAHMAN	91413379
JAMILAH ISMAIL	91119879
NIZANA KAMARUDIN	91374042
ZAURIDAH OMAR	91324209

Kertas Projek Yang dikemukakan Kepada
Kajian Pentadbiran dan Undang-Undang
Institut Teknologi MARA Shah Alam Selangor
Untuk memenuhi Sebahagian Dari Syarat Untuk
Memperolehi Diploma Pentadbiran Awam

KANDUNGAN

m/s

PENGHARGAAN

ABSTRAK

Sejarah Tradisi
Tradisi 1
2

?

ISI KANDUNGAN

BAB SATU

- 1.1 Pasar Budaya masa kini
- 1.2 Tujuan Kajian
- 1.3 Latar Belakang Pasar Budaya
 - 1.3.1 Sejarah Penubuhan
 - 1.3.2 Lokasi
 - 1.3.3 Tujuan Penubuhan
- 1.4 Objektif Kajian
- 1.5 Methodologi
 - 1.5.1 Data Primer
 - 1.5.2 Data Sekunder
- 1.6 Hipotesis
- 1.7 Penyata Masalah
 - 1.7.1 Pentadbir Pasar Budaya
 - 1.7.2 Peniaga
 - 1.7.3 Pengunjung

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Illahi kerana dengan izin dan berkatNya kami telah berjaya menyiapkan Kertas Projek ini.

Di sini kami ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada penyelian kami, Puan Zauyah Abdul Razak yang telah banyak memberikan tunjuk-ajar dan bimbingan dalam menyiapkan kertas projek kami ini.

Terima kasih juga kepada Pegawai Eksekutif Pasar Budaya, Encik Sharuddin dan Encik Yaackup yang telah sudi membantu kami dalam menjalankan kajian ini. Begitu juga kepada semua staff Pasar Budaya yang telah juga memberikan segala maklumat yang kami perlukan dalam menyiapkan kertas projek ini.

Kepada semua pengunjung dan peniaga Pasar Budaya, kami juga ingin menyampaikan ucapan terima kasih atas kerjasama mereka membantu kami menyiapkan kertas projek ini.

Akhir sekali tidak dilupakan kepada ibubapa dan keluarga kami yang telah banyak memberikan dorongan dan semangat untuk kami menyiapkan kertas projek ini.

ABSTRAK

Pasar Budaya yang terletak di tengah-tengah pusat bandaraya sangat terkenal di kalangan masyarakat Malaysia. Semenjak ia mula-mula di buka hampir sembilan tahun dahulu, fungsinya sebagai pusat kebudayaan, kesenian dan pelancongan telah semakin berkembang. Namun sejak kebelakangan ini, fungsi dan peranannya semakin pudar di sebabkan beberapa fenomena yang timbul dan keadaan yang berlaku di Pasar Budaya sendiri.

Tujuan kajian kami adalah untuk mengetahui sejauh mana peranan dan fungsi Pasar Budaya ini benar-benar berkesan dan memberi faedah kepada para pengunjung. Apakah pula masalah yang di hadapi oleh Pasar Budaya masa kini di mana telah menyebabkan ramai pengunjung terkeliru dengan fungsinya yang sebenar.

Kekeliruan pengunjung terhadap fungsi sebenar Pasar Budaya telah mengakibatkan ramai di kalangan mereka yang menyalahgunakan Pasar Budaya sebagai tempat rekreasi dan membuang masa terutama dari golongan remaja. Sejak akhir-akhir ini timbul pula laporan akhbar yang mengatakan bahawa Pasar Budaya telah menjadi tempat jual beli seks dan sarang penagih dadah.

1.1 PASAR BUDAYA MASA KINI

Pasar budaya yang terletak di tengah-tengah ibu negara Malaysia merupakan salah satu tempat yang menjadi tumpuan orang ramai. Pada peringkat awal penubuhannya, ia adalah di harapkan menjadi sebuah tempat mempertontonkan kebudayaan masyarakat Malaysia, kesenian, kraftangan tempatan dan pusat maklumat pelancongan Malaysia. Keadaan ini memang benar-benar wujud pada waktu itu, pendekatan pelancong boleh melihat segala-galanya mengenai Malaysia di situ tanpa perlu menjelajah keseluruhan tanah air.

Namun sejak akhir-akhir ini, fungsi sebenar Pasar Budaya mulai kabur. Banyak perkara yang menjatuhkan imej Pasar Budaya di mata pelancong telah berlaku. Antaranya ialah budaya lepak, sarang penagih dadah di waktu malam dan yang terbaru ialah jual beli seks antara gadis Filipina dan pemuda Afrika. Di tambah pula dengan keadaan di dalam Pasar Budaya sendiri yang kelihatannya bukan lagi tempat menjual barang-barang hasil seni dan kraftangan tetapi telah bercampur aduk dengan bercambahnya gerai-gerai atau kedai-kedai yang menjual barangan biasa seperti di lain-lain pasaraya. Fenomena